

Headline	Genggaman erat suami kenangan terakhir		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	30 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	35	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	341 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,740
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,219



RAMLAH BRAHIM (duduk di atas kerusi) mengaminkan bacaan doa dalam majlis tahlil yang turut disertai kakitangan Lembaga Tabung Haji di Shah Alam, Selangor, kelmarin. Turut kelihatan Rosni Sohar (dua dari kiri). - UTUSAN/SAHARUDDIN ABDULLAH

Genggaman erat suami kenangan terakhir

SHAH ALAM 29 Sept. - Genggaman erat suami ketika melakukan ibadah melontar jamrah di Mina merupakan petanda arwah akan pergi meninggalkan Ramlah Brahim, 54, buat selama-lamanya.

Ramlah berkata, sepanjang tiga hari mereka di Mina, suaminya, Razif Jalil, 64, sentiasa memegang erat tangannya hingga kadang-kala terasa sakit.

Menurutnya, suaminya berbuat demikian kerana bimbang dia hilang disebabkan ketika itu jemaah haji lain turut berpusu-pusu melakukan ibadah tersebut.

"Sepanjang tiga hari kami di Mina, dia sentiasa memegang tangan saya dengan kuat hingga kadang-kadang menyebabkan tangan saya sakit, tetapi saya hanya diam.

"Arwah beritahu dia bimbang jika saya hilang, malah dia turut memaklumkan rakan-rakan tentang kekhuatirannya kerana saya ada sakit lutut. Selain itu, sepanjang kami di Tanah Suci juga, setiap hari arwah akan menghubungi anak di tanah air untuk bertanyakan khabar," katanya ketika ditemui di kediamannya di Seksyen 19 di sini.



Sepanjang tiga hari kami di Mina, dia sentiasa memegang tangan saya dengan kuat hingga kadang-kadang menyebabkan tangan saya sakit, tetapi saya hanya diam."

RAMLAH BRAHIM Isteri

Razif meninggal dunia pada 20 September lalu akibat jangkitan kuman pada paru-paru selepas seminggu dimasukkan ke Hospital King Faisal di Mekah.

Terdahulu, Ramlah dikunjungi sekumpulan kakitangan Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) diketuai Ahli Lembaga Pengarahnya, Datuk Rosni Sohar.

Mengulas lanjut, Ramlah memberitahu, sebaik sahaja pulang ke penginapan mereka di Mekah selepas melontar jamrah, suaminya muntah-muntah sebelum rebah di bilik air kira-kira pukul

2 pagi waktu tempatan pada 15 September lalu.

Katanya, arwah kemudiannya dimasukkan ke hospital sebelum koma selama seminggu dan menghembuskan nafas terakhir kira-kira pukul 5.30 petang waktu tempatan pada 20 September lalu.

"Meskipun berat untuk menerima hakikat, kami sekeluarga tetap reda kerana arwah meninggal dunia dan dikebumikan di Tanah Suci. Apa pun, saya amat berterima kasih kepada semua kakitangan Tabung Haji yang amat prihatin membantu saya menguruskan jenazah arwah selain memberi semangat kepada saya," jelasnya.

Sementara itu Rosni berkata, lawatannya ke kediaman Ramlah adalah untuk memberi sokongan moral, di samping menyalurkan sumbangan khairat kematian.

"Sehingga kini, sebanyak 26 kematian kebanyakannya akibat masalah kesihatan dilaporkan melibatkan jemaah haji kita termasuk seorang kakitangan Tabung Haji dan seorang jemaah yang meninggal dunia di Hospital Putrajaya sebelum sempat ke Tanah Suci," ujarnya.